

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN KEMUDAHAN CUTI
BERSALIN DAN CUTI ISTERI BERSALIN PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk meningkatkan kemudahan Cuti Bersalin dan Cuti Isteri Bersalin kepada pegawai perkhidmatan awam.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Buat masa kini, seseorang pegawai yang bersalin
- a) layak mendapat Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya
 - b) pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin di antara 60 hari sehingga 90 hari bagi setiap kelahiran; dan
 - c) Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

2.2 Cuti isteri bersalin :

- a) diberi selama tujuh hari sebagai cuti tanpa rekod
- b) bermula pada tarikh isteri anggota bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat
- c) tempoh cuti ini termasuk semua hari rehat dan kelepasan am
- d) dihadkan kepada lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan
- e) tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Seseorang ibu memerlukan lebih kurang 3 bulan untuk kemabali kepada keadaan fizikalnya sebelum hamil. Ia merupakan tempoh yang agak mencabar dan penuh emosi kepada kedua –dua ibu dan bapa.
- 3.2 Wanita selepas bersalin lebih cenderung untuk mendapat jangkitan kuman, kekurangan darah, kesakitan akibat bersalin, kemurungan dan banyak lagi komplikasi yang lain.
- 3.3 Bayi yang baru lahir juga memerlukan penjagaan yang rapi untuk bulan yang pertama.
- 3.4 Faktor-faktor ini memerlukan sokongan daripada suami.

4.0 SYOR

4.1 Seseorang pegawai yang bersalin

- a) perlu mendapat Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebanyak 600 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya;
- b) pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin di antara 90 hari sehingga 120 hari bagi setiap kelahiran

4.2 Cuti isteri bersalin :

- a) diberi selama empat belas hari sebagai cuti tanpa rekod
- b) dihadkan kepada lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan

5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 5.1 Tiada implikasi kewangan kepada kerajaan.

6.0 KESIMPULAN

- 6.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan meningkatkan cuti bersalin dan cuti isteri bersalin selaras dengan negara-negara maju yang lain. Ia merupakan ganjaran yang setimpal dengan beban tugas kerja

pegawai perkhidmatan awam dan akan memberi motivasi kepada mereka
untuk menabur bakti dengan lebih gigih.

DR ARVINDRAN A/L ALAGA
Ahli Majlis Bersama Kebangsaan [Pengurusan dan professional]
Pengerusi SCHOMOS 2017-2018
Persatuan Perubatan Malaysia